

# Polis tangguh tindakan dakwa Bunyamin

BH - 9 SEP 2002

Oleh Veena Rusli dan Betty Subaryati

KOTA BHARU, Ahad - Polis hari ini menangguhkan tindakan untuk mendakwa Bunyamin Yaakub atas tuduhan memfitnah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berikutan ketua Penerangan Pas negeri itu yang terlantar di hospital boleh mendengar tetapi tidak boleh bercakap.

Polis Kelantan mendapat waran tangkap terhadap Bunyamin, 56, yang juga bekas Ahli Parlimen Bachok itu pada kira-kira jam 9.30 pagi tadi bagi membolehkannya didakwa di mahkamah.

Bagaimanapun, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, Asisten Komisyoner Abd Rahim Jani, berkata waran yang dikeluarkan

kan Hakim Mahkamah Sesyen Kota Bharu, Mohd Yazid Mustafa, itu tidak diserahkan kepada Bunyamin yang masih menerima rawatan di Hospital Kota Bharu (HKB).

"Oleh kerana Bunyamin berada di hospital kerana dirawat sejak Khamis lalu, kita pergi ke HKB pagi ini untuk menyempurnakan (menyerahkan) waran tangkap kepadanya.

"Selepas mendapat pandangan dan nasihat daripada doktor pakar yang merawatnya, Bunyamin disahkan tidak stabil untuk ke mahkamah dan atas pertimbangan bahawa beliau tidak sihat, kita membuat keputusan untuk menangguhkan penyerahan waran tangkap itu.

"Kita ada rancangan untuk membawa Hakim ke hospital (bagi pendakwaan di mahkamah terbuka), na-

mun apabila dimaklumkan doktor bahawa Bunyamin boleh mendengar tetapi tidak boleh bercakap, kita setuju ditangguhkan dulu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Kota Bharu di sini, petang ini. Hadir sama Ketua Bahagian Siasatan Jenayah IPPD Kota Bharu, Deputy Superintendan Haniffa Abdul Kader dan Pegawai Penyiasat Kanan IPPD Kota Bharu, Asisten Superintendan Mustafa Bidin.

Pada 15 Mac lalu, Bunyamin ketika berceramah di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa, di sini, antara lain dikatakan menyebut Dr Mahathir menonton video lucu bersama cucunya.

Petikan ceramah itu disiarkan oleh Radio Televis-

yen Malaysia (RTM) baru-baru ini dan berikutan itu tiga laporan polis terhadap Bunyamin dibuat secara berasingan di Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Abd Rahim berkata, Bunyamin akan didakwa mengikut Seksyen 500 Kanun Kesiksaan yang jika sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Beliau berkata, pihaknya akan memantau perkembangan kesihatan Bunyamin bagi membolehkan waran tangkap diserahkan kerana sebaik tindakan itu disempurnakan, bekas Ahli Parlimen itu akan dihadapkan ke mahkamah.

"Kita menempatkan anggota polis di HKB bagi tujuan pemantauan keadaan kesihatan Bunyamin tetapi itu cuma untuk pemerhatian... dia bukan tahanan, jadi dia tidak dalam kawalan

polis.

"Waran tangkap ini tidak mempunyai tarikh luput, jadi kita akan tunggu sehingga Bunyamin disahkan sihat untuk ke mahkamah... tarikh sebenar kita tak boleh tentukan kerana ia bergantung kepada laporan doktor," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, pihak pengurusan HKB mengesahkan Bunyamin sedang menerima pelbagai rawatan berikutan keadaan kesihatannya yang tidak menentu.

Jurucakap HKB ketika dihubungi petang ini berkata, Bunyamin tidak boleh dibawa keluar dari wad hospital itu kerana tahap kesihatannya tidak mengizinkan.

"Beliau hanya akan dibenarkan keluar hospital selepas pakar perubatan yang memeriksanya berpuas hati dengan keadaan

kesihatannya," katanya.

Mengenai penyakit yang dihadapi Bunyamin, jurucakap itu berkata, perkara terbabit adalah maklumat sulit antara doktor dan pesakit yang tidak boleh didekahkan.

"Kita cuma boleh mengesahkan dia sedang dirawat di sini dan belum cukup sihat untuk dibawa keluar, termasuk bagi tujuan urusan mahkamah," katanya.

Sebelum ini, Bunyamin difahamkan menghadapi masalah buah pinggang dan perlu menjalani rawatan dialisis di HKB setiap minggu.